

Headline	TNB, PR1MA bina rumah mampu milik		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	17 Mar 2017	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	9
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	332 cm ²		
PR Value	RM 19,685		



TNB, PR1MA bina rumah mampu milik

KUALA LUMPUR 16 Mac - Tenaga Nasional Berhad (TNB) merintis kerjasama dengan syarikat milik kerajaan (GLC) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dalam mendukung agenda nasional menyediakan rumah untuk rakyat berpendapatan sederhana.

Langkah TNB menawarkan tanahnya seluas 3.33 hektar di Kajang, Selangor, mielegakan PR1MA yang berdepan cabaran mencari lokasi sesuai bagi membina perumahan mampu milik di Lembah Klang.

Projek apartmen kos sederhana tinggi itu dijangka siap pada 2019.

TNB turut memperuntukkan sejumlah unit untuk kakitangannya sendiri, seiring dengan agenda GLC itu yang prihatin terhadap keperluan warga kerjanya untuk memiliki rumah.

Baru-baru ini, berlangsungnya Hari Terbuka PR1MA di Dewan

BEBERAPA orang kakitangan TNB membuat pemeriksaan kelayakan memohon rumah PR1MA-TNB pada Hari Terbuka PR1MA di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Bangsar, Kuala Lumpur baru-baru ini.



Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Bangsar di sini bagi membolehkan

kakitangan TNB memohon rumah mampu milik tersebut.



RUMAH MAMPU MILIK TNB-PR1MA

- Majlis pemetaian perjanjian usaha sama projek ini disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 6 April 2016
- Setiap unit rumah itu untuk warga kerja TNB mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air
- Projek dilengkapi dengan surau, pusat asuhan kanak-kanak, Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan taman permainan.
- Dijangka siap hujung 2019.